

08 JAN 2003

Abdullah-Ling

PERDANA MENTERI MAHU DR LING TERUS KEKALKAN JAWATAN

KUALA LUMPUR, 8 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik meneruskan khidmatnya sebagai Menteri Pengangkutan, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Beliau berkata hasrat Dr Ling meletakkan jawatan itu telah dimaklumkan oleh Dr Mahathir pada mesyuarat kabinet hari ini.

"Perdana Menteri masih berhajat untuk meneruskan perkhidmatan Dr Ling dalam portfolio yang ada sekarang, ini bermakna peletakan jawatan dia (Dr Ling) hanya berkuatkuasa selepas perundingan dengan Perdana Menteri.

"Sama ada bila dia (Dr Ling) dibenarkan meletak jawatan, meninggalkan jawatan bergantung kepada YAB Perdana Menteri sendiri," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat Pengurusan Umno di sini hari ini.

Abdullah ditanya pemberita sama ada isu peletakan jawatan Dr Ling itu dibincangkan dalam mesyuarat kabinet hari ini.

Semalam Dr Ling mengumumkan peletakan jawatannya daripada kabinet untuk kali kedua dalam tempoh tiga tahun.

Surat peletakan jawatan yang tidak menyatakan tarikh ia berkuatkuasa telah dihantar kepada Perdana Menteri pada 15 Ogos tahun lepas.

Menurut beliau, Dr Mahathir telah mengumumkan mengenai hasratnya itu pada mesyuarat Dewan Tertinggi Barisan Nasional (BN) semalam.

Dr Ling kali pertama mengumumkan hasratnya untuk meletak jawatan pada 22 Mei 2000, namun begitu beliau sedia meneruskan jawatannya setelah dinasihatkan Perdana Menteri untuk menimbang kembali keputusan itu.

Timbalan Perdana Menteri berkata Dr Mahathir lebih mengetahui mengenai kedudukan Dr Ling dalam kabinet sebagai Menteri Pengangkutan serta tugas-tugasnya selama ini.

Beliau juga berkata Dr Mahathir sendiri yang menimbulkan tindakan Dr Ling menghantar surat melepaskan jawatannya sebagai Menteri Pengangkutan pada mesyuarat Dewan Tertinggi BN semalam dan bukan setelah ditanya mana-mana pihak.

Dr Mahathir menyentuh perkara itu dengan niat tidak mahu berlaku lagi perbalahan dalam parti MCA pimpinan Dr Ling, katanya.

"Dulu memang ada perbalahan berkaitan beberapa perkara antara Ling dan (Timbalan Presiden MCA Datuk Seri Lim) Ah Lek dan sebagainya. Bila Perdana Menteri buat pengumuman itu, adalah lebih baik kiranya isu lawan dalam MCA dihentikan," katanya.

Abdullah berkata keputusan Dr Ling kali ini yang mahu melepaskan jawatannya bukan sesuatu perkara yang ganjil.

"Itu hak ketua parti sendiri untuk membuat keputusan meletak jawatan atau undur diri atau bersara dalam politik. Itu keputusan masing-masing dan bila dia tiada tentu ada orang baru pula yang menggantinya," katanya.

Abdullah juga yakin hasrat Dr Ling mahu melepaskan jawatannya tidak menjejaskan pentadbiran kerajaan kerana keputusan itu bukan berpunca daripada perkara yang berkaitan dengan tugasnya sebagai Menteri Pengangkutan.

-- BERNAMA

RZS MFZ RON